

**Memfaatkan Media Sosial Sebagai Alat Bantuan Mengajar Dan Pembentukan
Rubrik Penilaian Tugas Untuk Pengajaran Dan Pembelajaran Kursus DRK3062
(Inovasi Dan Reka Cipta)**

ABSTRACT

Kertas kerja ini menerangkan penggunaan media sosial iaitu Facebook Pages dan Instagram dan pembentukan rubrik penilaian tugas pelajar bagi kursus DRK3062 (Inovasi dan Reka Cipta). Responden adalah terdiri daripada pelajar Politeknik Kota Kinabalu semester tiga yang mengikuti kursus DRK3062 Inovasi Dan Reka Cipta. Media Sosial digunakan sebagai alat bantuan mengajar bagi mengatasi masalah semasa yang dihadapi proses pengajaran dan pembelajaran. Seterusnya pembentukan rubrik penilaian tugas juga dibentuk supaya penilaian lebih tepat dengan hasil kerja dan kreativiti pelajar. Media sosial yang dibangunkan adalah dengan menggunakan Facebook dan Instagram di mana terdapat video dan penerangan yang boleh dijadikan rujukan kepada pelajar untuk menyiapkan tugas. Dengan membangunkan rubrik analitik, pensyarah dapat menganalisis kelebihan dan kelemahan seseorang pelajar. Kesimpulannya, pelajar memberikan respon positif terhadap penggunaan media sosial dan rubrik yang dibina. Penggunaan internet dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) adalah selari dengan perkembangan teknologi maklumat masa kini seterusnya menyokong transformasi pendidikan di Politeknik.